

Pupuk kemahiran komunikasi OKU

bakti ngo

Oleh **NURSYAMIMI SAIDI**
nursyamimi.saidi@utusan.com.my

PENERIMAAN terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini masih pada tahap yang rendah. Ini kerana ada daripada kita yang masih melemparkan pandangan pelik terhadap mereka, selain kurangnya kemudahan akses OKU di tempat awam dan peluang pekerjaan yang terhad. Hakikatnya, golongan

tersebut juga sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai hak dalam apa bidang dan peluang sekalipun. Sejawarnya setiap lapisan masyarakat memainkan peranan mereka untuk membantu serta memberi layanan sama adil kepada mereka.

Walaupun pelbagai kempen kesedaran telah diadakan, masa yang lama diambil untuk mengubah pemikiran masyarakat Malaysia agar menjadi lebih terbuka kepada golongan tersebut.



KAMILIA IBRAHIM

Memahami keperluan tersebut, Persatuan Pertuturan Bahasa dan Pendengaran Malaysia (MASH) bersama Yayasan Wiba Prima mengambil inisiatif mengadakan sebuah Program Naik Kereta Api (Ride The Train) untuk mewujudkan kesedaran, penerimaan dan mengasimilasikan golongan OKU dengan masyarakat tanpa sebarang persepsi negatif.

Pengerusi Yayasan, **Datuk Kamilia Ibrahim** berkata, program komuniti tersebut bukan sahaja membantu golongan OKU mengatasi rasa terasing dan kurang keyakinan diri, bahkan mewujudkan rasa peka, prihatin serta keterbukaan terhadap kehadiran mereka dalam persekitaran.



SEBAGIAN daripada kanak-kanak kurang upaya (OKU) yang menyertai program Ride The Train di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur.

“Sebagai contoh, apabila berinteraksi dengan seseorang yang mengalami masalah komunikasi adalah lebih baik jika kita cuba untuk mendengar atau melihat isyarat tangan tentang apa yang dikatakan oleh mereka, berbanding mengabaikan terus kerana tidak memahami atau sekadar merasa simpati.

“Sama seperti masalah autisme, walaupun mereka tidak cacat anggota kerana wajah mereka tidak ada perbezaan dengan mereka yang normal, tetapi ada kekurangan yang sukar dikenali pasti sehinggalah mereka mula membuat “bising”.

“Masyarakat cepat menyalahkan mereka atau menyalahkan ibu bapa kerana tidak tahu menjaga anak-anaknya.

“Masalah inilah yang sering dihadapi penjaga yang mempunyai anak istimewa ini. “Golongan ini sebenarnya mempunyai hak untuk berada di khalayak ramai dan diterima tanpa sebarang prejudis.

“Kami mahu individu normal mempunyai rasa hormat terhadap kekurangan mereka dan berusaha untuk memberi

peluang,” katanya ketika ditemui di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sementara itu, seorang ibu yang mempunyai anak autisme dan gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD), **Rusliawati Ali** berkata, dia sebagai penjaga menyambut baik program yang diadakan dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tersebut yang mana sedikit sebanyak membantu membangunkan kemahiran komunikasi anaknya, **Khairizwan Iskandar Khairunizal** dengan lebih baik.

“Dengan tugas yang diberikan penganjur kepada Khairizwan Iskandar, dia dilihat berusaha untuk mengatasi kerakutannya untuk memulakan perbualan dan cuba bergaul dengan orang awam,” katanya.



NOR SHAHRINA MOHD. ZAWAWI

Elak rasa terasing

PROGRAM Ride The Train melibatkan penghidap autisme dan palsi serebrum (CP), golongan hilang pendengaran, lambat pertuturan, serta mereka yang mempunyai masalah kecederaan otak seperti strok, kanser, penyakit Parkinson dan penyakit neuron motor.

Peserta dibantu oleh penjaga masing-masing dan sukarelawan yang terdiri daripada pelajar universiti yang mana mereka dibawa memaki sistem transit aliran ringan (LRT) dari Stesen KL Sentral ke Pasar Seni dan diberikan tugas bagaimana untuk berkomunikasi dengan orang awam, pekerja LRT, polis bantuan dan penjaga kedai.

Presiden MASH, **Nor Shahrina Mohd. Zawawi** berkata, kelompok yang disasarkan kebanyakannya mempunyai

masalah berkomunikasi sama ada masalah pertuturan, lambat bertindak balas (slow learner) atau kemahiran berkomunikasi yang lemah kerana kurang keyakinan diri.

“Kami melihat masalah komunikasi salah satu elemen yang perlu dipertingkatkan. “Ini kerana masalah tersebut membolehkan golongan ini sukar mendapat kawan, rasa terasing, sukar menyertai aktiviti kurikulum di sekolah, tidak mahu kembali bekerja dan sukar menjalani aktiviti harian seperti membuat pembelian di kedai, menimba maklumat, serta apa sahaja aktiviti yang memerlukan mereka bercakap dengan orang sekeliling.

“Apabila itu berlaku, mereka mula berasa terasing dan cuba mengabaikan aktiviti sosial sehinggalah menyebabkan kemurungan, hilang keyakinan diri dan rendah diri kerana kekurangan yang dialami,” katanya.



PESERTA diberi tugas untuk berkomunikasi dengan pihak berkuasa.